

Received	11 April 2024	Accepted	12 April 2024
Revised	10 May 2024	Published	1 June 2024
Volume	4, June 2024	Pages	51-65
http://doi.org/			
To cite: Raja Nur Hanisah Raja Sulaiman & Mohd Ikhwan Abdullah. 2024. Analisis kontrastif frasa kerja bahasa Arab dan bahasa Melayu dari aspek masa dalam novel 'Ustaz'. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 4 (June 2024): 17-26. DOI: http://doi.org/			

Analisis Kontrastif Frasa Kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari Aspek Masa dalam Novel 'Ustaz'

A Contrastive Analysis of Verb Phrases in Arabic and Malay from the Perspective of Tense in the Novel 'Ustaz'

Raja Nur Hanisah Raja Sulaiman¹ & Mohd Ikhwan Abdullah²

Abstrak

Masa merupakan aspek yang penting untuk dilihat dalam proses pembelajaran bahasa kedua dan juga penterjemahan daripada bahasa asal kepada bahasa tujuan. Ini kerana, tanpa aspek ini, sesuatu maksud boleh disalah erti lalu merosakkan sebuah komunikasi. Artikel ini bertujuan melihat persamaan dan perbezaan penggunaan frasa kerja dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek masa dalam Novel 'Ustaz' karya S. Othman Kelantan. Kajian ini menggunakan teori analisis kontrastif oleh Robert Lado dengan melihat kepada pola ayat, contoh, maksud frasa berdasarkan unsur masa, ciri-ciri, dan taburannya. Antara persamaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa ini ialah kedua-duanya membahagikan unsur masa yang terdapat dalam frasa kerja kepada masa lampau, masa sekarang, dan masa depan. Kedua-dua bahasa ini juga maksudnya berbeza apabila susunan perkataan dalam ayat berubah, tetapi sekiranya perubahan pada klausa, maksud ayat masih sama. Perbezaan yang dikenal pasti ialah kata kerja sempurna (الأفعال التامة) dalam Bahasa Arab membawa unsur masa, tetapi kata kerja leksikal dalam Bahasa Melayu tidak membawa unsur masa dan memerlukan partikel lain untuk menetapkan unsur masanya. Bahasa Arab juga menggunakan kaedah pengawalan kata nama dalam ayat sebagai salah satu cara untuk menetapkan unsur masa bagi frasa kerja, manakala Bahasa Melayu tidak mempunyai kaedah ini. Bahasa Melayu pula mempunyai kata bantu aspek yang dapat menerangkan unsur masa,

¹ Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, rajanurhanisah@iium.edu.my

² Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, mohdikhwan@iium.edu.my

tetapi penggolongan kata ini tidak didapati dalam Bahasa Arab. Hasil kajian ini telah memberikan implikasi pedagogikal seperti pengajaran kata kerja Bahasa Arab yang menitikberatkan konteks dan juga implikasi kepada bidang terjemahan yang menuntut para penterjemah meletakkan ketelitian yang sama dalam menterjemahkan hasil-hasil karya yang melibatkan dua bahasa ini.

Kata kunci: analisis kontrastif; frasa kerja; masa; Bahasa Arab; Bahasa Melayu.

Abstract

Tense is an important aspect to be acknowledged in the process of learning a second language and also translation from the original language to the target language. This is because without this aspect, a meaning can be misunderstood and damage a communication. This article aims analyze the similarities and differences between Arabic and Malay in the use of verb phrases from the tense aspect in the novel entitled 'Ustaz' written by S. Othman Kelantan. This study uses the theory of contrastive analysis from Robert Lado by analyzing sentence patterns, examples, meaning of phrases based on tense aspect, characteristics, and distribution. Among the similarities between these two languages is that they both divide the tenses found in verb phrases into the past, present, and future. These two languages also give different meaning when the order of words in a sentence changes, but if there is a change in the clause, the meaning of the sentence is still the same. The difference identified is that perfect verbs (الفعل التامة) in Arabic carry a tense aspect, but lexical verbs in Malay do not carry a tense aspect and require other particles to give the tense aspect. Arabic also uses the method advancing nouns in sentences as one of the ways to set the tense aspect for verb phrases, while Malay does not have this method. Malay also has aspect auxiliary words that can explain the aspect of tense, but this word classification is not found in Arabic. The results of this study have given pedagogical implications such as the teaching of Arabic verbs that emphasize context and also implications for the field of translation which demands that translators put the same precision in translating the works involving these two languages.

Keywords: *contrastive analysis; verb phrase; time; Arabic language; Malay.*

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa asing yang sering menjadi pilihan penutur jati Melayu untuk mempelajarinya kerana pelbagai faktor antaranya mereka menyedari kepentingan bahasa ini dan ingin membina keupayaan komunikatif (Abdul Hakim Abdullah, Abd. Aziz Sulaiman, dan Wan Ismail Wan Abdullah, 2015). Ahli nahu klasik dan moden memberikan perhatian yang khusus kepada perbincangan masa dan

aspek, antaranya Sibawayh yang mendefinisikan kata kerja sebagai bongkah-bongkah kata yang diambil daripada kata nama perbuatan yang menunjukkan perkara yang sudah berlaku (لما مضى), yang akan berlaku dan belum berlaku (ولما يكون ولم يقع), dan yang sedang berlaku dan masih belum berakhir (وما هو كائن لم ينقطع) (Sibawayh, 1988). Meskipun begitu, ahli nahu klasik tidak mengkhususkan bab dalam membincangkan tajuk masa dan aspek, namun usaha ini dapat dilihat melalui penulisan-penulisan ahli nahu moden seperti Mahdi Makhzumi dan Tammam Hassan. Topik ini juga kini kian menjadi perhatian para pengkaji dalam bidang semantik.

Permasalahan Kajian

Dalam kurikulum pengajaran Bahasa Arab di Malaysia sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti, topik masa tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dan hal ini dapat dilihat apabila tiada bab yang dikhususkan untuk topik ini sebagaimana dipraktikkan dalam proses pengajaran Bahasa Inggeris (Abdullah, 2019). Hal ini disebabkan oleh kebergantungan para penggubal kurikulum dengan kaedah pengajaran Bahasa Arab yang klasik iaitu berfokuskan permasalahan lain seperti permasalahan analisis ayat (إعراب) (Sāmurrāī, 1966).

Kajian oleh Fairuz Mohamad, Mohamad Nor Amin Samsun Baharun, Ahmad Salleh (2012) juga menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dari segi penggunaan frasa kata kerja yang diterjemahkan daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Arab. Kata kerja Bahasa Melayu juga tidak mempunyai aspek masa jika dilihat secara morfologi yang menyebabkan kesukaran untuk menterjemahkannya daripada Bahasa Arab.

Dari aspek analisis kontrastif, Garcia (2002) menekankan kepentingan untuk melihat contoh yang praktikal serta konteks dalam membandingkan penggunaan antara dua bahasa. Jika dilihat pada kajian mutakhir ini, pelbagai kajian memanfaatkan penggunaan korpus dalam melakukan analisis kontrastif.

Berdasarkan permasalahan yang terdapat dalam kurikulum pengajaran Bahasa Arab, proses terjemahan serta kekurangan penggunaan konteks, pengkaji berhasrat untuk menganalisis penggunaan frasa kata kerja berdasarkan aspek masa dalam novel 'Ustaz' oleh S. Othman Kelantan yang diterjemahkan daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Arab dengan tujuan menganalisis persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa ini serta penggunaannya dari aspek masa melalui novel ini.

Sorotan Kajian Lepas

Dalam kajian oleh Abdelaal dan Md Rashid (2016), para pengkaji memfokuskan kepada kehilangan aspek tatabahasa dalam terjemahan surah Al-A'raaf kepada Bahasa Inggeris oleh Abdul Halim serta kesannya terhadap kehilangan aspek semantik secara separa dan keseluruhan. Antara aspek yang kehilangan maksudnya dari segi semantik ialah aspek masa apabila berlakunya perubahan daripada masa lampau kepada masa depan. Kajian ini berbeza dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji apabila pengkaji menggunakan teks daripada novel 'Ustaz' dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa sumber.

Hamid (2018) telah memberikan sumbangan yang besar dalam menggariskan padanan terjemahan frasa kata kerja Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu berdasarkan

aspek masa. Antara frasa kata kerja yang disebutkan oleh pengkaji ialah (قد فعل) yang diterjemahkan kepada 'benar-benar' dalam aspek penegasan serta 'telah pun'. Kajian ini berbeza dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji apabila pengkaji menggunakan teks daripada novel 'Ustaz' dan menganalisis teks tersebut menggunakan teori analisis kontrastif Robert Lado.

Dalam kajian oleh Abdullah (2018), pengkaji melihat kepada penggunaan frasa (كان) yang diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris dalam novel *Black Tulip*, *The Three Musketeers*, *The adventures of Sherlock Holmes-The Red-Headed League*, *Emma*, dan *Jane Austin*. Kajian menunjukkan bahawa terdapat keselarian dalam aspek masa berdasarkan terjemahan yang digunakan dalam novel-novel tersebut. Terdapat juga perbezaan bentuk frasa yang digunakan antara Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris bergantung kepada konteks. Kajian ini berbeza dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji apabila pengkaji menggunakan teks daripada novel 'Ustaz' dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa sumber.

Berdasarkan kajian yang bertajuk 'Analisis Semantik dan Pragmatik Terhadap Terjemahan Mesin Google Arab – Melayu' (Yaakub, Sismat, dan Yunus, 2020), penterjemahan mesin mempunyai keupayaan yang baik untuk menghasilkan terjemahan dengan cepat dan mengekalkan penggunaan istilah dengan menggunakan terjemahan komunikatif rasmi. Meskipun begitu, proses penterjemahan mesin mempunyai kelemahan dari segi padanan kata yang terhad bagi teks asal dan teks sasaran. Proses penterjemahan melalui kaedah ini juga mempunyai limitasi untuk menterjemahkan ungkapan tersirat seperti peribahasa dan metafora. Kajian ini berbeza dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji apabila pengkaji menggunakan teks daripada novel 'Ustaz' dan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa sumber.

Persoalan dan Objektif Kajian

Kajian ini ingin mencapai objektif iaitu:

1. Menganalisis frasa kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek masa menurut ahli nahu.
2. Membandingkan penggunaan frasa kerja antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek masa dalam novel 'Ustaz'.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah seperti berikut:

1. Analisis deskriptif
Analisis ini dilakukan dengan menerangkan maksud bagi frasa kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek masa melalui teori-teori oleh ahli nahu klasik dan moden bagi kedua-dua bahasa.
2. Analisis kontrastif
Analisis ini dilakukan dengan membandingkan frasa kerja antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu yang digunakan dalam novel 'Ustaz' karya S. Othman Kelantan terbitan Citra Publication (S. Othman Kelantan, 1991). Analisis kontrastif didefinisikan sebagai kajian segera yang sistematik untuk mencari

persamaan dan perbezaan pada struktur dan penggunaan dua atau lebih jenis bahasa, dijalankan untuk tujuan teori atau praktikal (García, 2002). Kaedah klasik untuk menjalankan analisis ini dengan menggunakan ayat-ayat yang direka oleh pengkaji, namun kajian ini dilakukan dengan memilih kaedah baru melalui penggunaan ayat-ayat praktikal yang diambil daripada hasil terjemahan.

Sampel kajian menggunakan frasa (كان قد فعل), (كان يفعل), (قد فعل), (يفعل), (سيفعل), dan (سوف يفعل) daripada naskhah terjemahan novel 'Ustaz' terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (Syed Omar, Syed Othman, 2010), kemudian dibandingkan dengan teks dalam naskhah asal menggunakan teori analisis kontrastif Robert Lado dengan melihat aspek pola ayat, contoh, maksud frasa berdasarkan unsur masa, ciri-ciri, dan taburannya.

Hasil dan Analisis Kajian

Frasa Kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari Aspek Masa menurut Ahli Nahu

Melalui bahagian ini, pengkaji memperincikan pembahagian kata kerja serta maksud frasa kata kerja menurut ahli nahu Arab dan Melayu.

Frasa Kerja Bahasa Arab dari Aspek Masa Menurut Ahli Nahu Arab

Frasa Kerja Bahasa Arab dari Aspek Masa Menurut Ahli Nahu Arab Klasik

Az-Zajaji membahagikan kata kerja kepada tiga iaitu kata kerja yang menunjukkan masa lampau, masa sekarang, dan masa depan. Tiada khilaf pada masa lampau dan masa depan, tetapi para ahli nahu berbeza pendapat pada wujudnya masa sekarang. Bagi yang mengingkari kewujudan masa sekarang dan pembentukan katanya, mereka berhujah bahawa masa hanyalah boleh dibahagikan kepada sesuatu yang telah berlaku atau belum berlaku. Sekiranya sudah berlaku, maka menunjukkan masa lampau. Jika belum berlaku dikategorikan sebagai masa depan, jadi tidak wujud kategori yang ketiga ini. Az-Zajaji membalas hujahan ini dengan menyatakan bahawa wujudnya kekeliruan untuk pembahagian antara masa lampau dan masa sekarang kerana masa sekarang berlaku dengan singkat. Kewujudan pembentukan kata masa sekarang juga dibuktikan dengan penggunaan orang Arab iaitu (يفعل الآن), tidak digunakan (افعل الآن) atau (فعل الآن) (Ibn 'Usfur, 1998). Al-'Ukbari bersependapat dengan Az-Zajaji pada pembahagian kata kerja ini. Dalam kitabnya, beliau juga menyatakan penolakan sebahagian ahli nahu pada kewujudan masa sekarang. Bagi yang menyokong kewujudannya, mereka berhujah bahawa perbuatan seperti solat yang memerlukan kepada pembahagian kata kerja yang menunjukkan berlakunya perbuatan tersebut dan belum selesai (Al-'Ukbari, 1995).

Bagi penggunaan partikel (كان), Az-Zajaji berpendapat bahawa kata kerja ini dikhususkan kepada masa lampau seperti (كان زيد قائماً) iaitu perbuatan berdiri Zaid berlaku pada masa lampau. Walau bagaimanapun, ahli nahu berbeza pendapat pada aspek keselesaan sesuatu perbuatan dan majoriti bersetuju bahawa partikel ini membawa maksud keselesaan termasuklah Az-Zajaji. Beliau berdalilkan kalam Arab

yang menyebutkan (ما أحسن زيدا) apabila berasa takjub dengan sesuatu yang sedang berlaku, tetapi sekiranya perbuatan itu telah selesai, mereka berkata (ما كان أحسن زيدا) (Ibn 'Ustfur, 1998). Menurut al-'Ukbari, penggunaan partikel (قد) pada kata kerja membawa maksud kedekatan kata kerja yang berlaku pada masa lampau dari masa sekarang apabila digandingkan dengan *fi'il madhi*, tetapi membawa maksud pengurangan jika digandingkan dengan *fi'il mudhari'*. Manakala partikel *sin* dan (سوف) membawa maksud masa depan tetapi yang membezakan kedua-duanya ialah *sin* menunjukkan masa depan yang lebih dekat dari masa sekarang (Al-'Ukbari, 1995).

Frasa Kerja Bahasa Arab dari Aspek Masa Menurut Ahli nahu Arab Moden

Makhzumi menyokong pendapat ahli Kufah dengan membahagikan kata kerja kepada *madhi*, *mudhari'*, dan *da'im*. Makhzumi menyangkal dakwaan ahli Basrah yang mengatakan bahawa perkataan (قائم) pada ayat (أقام المحدثان) kedudukannya sebagai subjek, sedangkan ahli Kufah mengatakannya sebagai pelaku. Hal ini kerana menurutnya *tanwin* pada perkataan (قائم) bukan sebagai bukti kata nama, tetapi menjadi penentu aspek masa sama ada menunjukkan masa lampau atau masa depan (Makhzumi, 1986). Manakala Tammam Hassan melihat pembahagian kata kerja berdasarkan dua aspek iaitu pembentukan kata dan makna. Kata kerja jika dilihat dari segi pembentukan kata, dibahagikan kepada *madhi*, *mudhari'*, dan *amr*. Jika dilihat dari segi makna, kata kerja dibahagikan mengikut makna pembentukan kata iaitu (فعل) menunjukkan masa lampau, (يفعل) dan (افعل) menunjukkan masa sekarang atau masa depan dan aspek masa ini dihadkan oleh konteks (Tammam Hassan, 1994).

Makhzumi menyebut dalam kitabnya bahawa frasa (كان يفعل) pada ayat (كان زيد يضحك) membawa maksud perbuatan ketawa berlaku pada masa lampau dan Zaid wujud pada masa sekarang atau masa depan. Manakala penggunaan (قد) membawa maksud berlakunya perbuatan pada masa lampau dekat dengan masa sekarang. Frasa (كان قد فعل) menunjukkan aspek masa lampau yang jauh dari masa sekarang. Masa depan pula ditunjukkan apabila pembentukan kata (يفعل) didahului dengan *sin* atau partikel (سوف) (Makhzumi, 1986). Manakala (كان قد فعل) di sisi Tammam Hassan membawa maksud masa lampau yang dekat dari masa sekarang dan perbuatan tersebut telah selesai. Frasa (كان يفعل) bermaksud perbuatan yang telah berlaku pada masa lampau dan berterusan berlaku. Frasa (قد فعل) pula bermaksud perbuatan yang telah selesai pada masa lampau. Frasa (يفعل) menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa sekarang dan berlaku secara berterusan. Frasa (سيفعل) menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa depan yang dekat dari masa sekarang dan (سوف يفعل) menunjukkan perbuatan yang berlaku pada masa depan yang jauh dari masa sekarang (Tammam Hassan, 1994).

Frasa Kerja Bahasa Melayu Dari Aspek Masa Menurut Ahli Nahu Melayu

Frasa Kerja Bahasa Melayu dari Aspek Masa Menurut Ahli Nahu Melayu Klasik

Raja Ali Haji membahagikan kata kerja kepada tiga bahagian, iaitu *fi'il madhi* yang menerangkan perbuatan pada masa lampau, *fi'il mudhari'* yang menerangkan perbuatan pada masa akan datang, dan *fi'il amr* yang menuntut sesuatu perbuatan

(Raja Ali Haji, 2005). Manakala Za'ba membahagikan kata kerja kepada dua bahagian iaitu perbuatan melampau dan perbuatan tiada melampau. Perbuatan melampau bermaksud perbuatan yang maknanya memberi kesan kepada objek lain dan tidak terletak pada pelaku seperti 'di-bacha' dan 'bacha cherita'. Perbuatan tiada melampau bermaksud perbuatan yang maknanya terletak pada pelaku dan tidak memberi kesan kepada objek lain seperti 'jatuh' dan 'pergi' (Zainal Abidin Ahmad, 1958).

Menurut Raja Ali Haji, antara tanda *fi'il madhi* ialah penggunaan partikel 'telah' seperti 'telah berdiri' dan 'telah makan'. Manakala *fi'il mudhari'* merupakan perbuatan yang mengandungi maksud 'yang lagi akan datang' seperti 'lagi akan berbuat', dan 'lagi akan berdiri'. *Fi'il amr* pula mengandungi suruhan seperti 'berdirilah engkau' dan 'palu olehmu'. Terdapat juga *fi'il naqis* yang bermaksud *fi'il* kurang, iaitu tidak lengkap maknanya tanpa *khavar* (predikat). Contohnya seperti 'adalah' dalam ayat 'adalah si Zaid itu berdiri' dan 'senantiasa' pada ayat 'senantiasa si Zaid itu bersuka-suka' (Raja Ali Haji, 2005). Za'ba menyebutkan bahawa kata kerja boleh menunjukkan aspek masa dengan menggunakan partikel-partikel lain. Bagi menunjukkan perbuatan yang telah selesai, perbuatan tersebut didahului dengan 'telah', 'baharu', dan 'sudah'. Sekiranya ingin menunjukkan perbuatan yang belum selesai, maka perbuatan tersebut bebas daripada sebarang partikel yang dinyatakan tadi melainkan ingin mengkhususkan pada masa sekarang, partikel seperti 'tengah', 'sedang' dan 'maseh' digunakan. Manakala partikel 'kelak', 'akan', dan 'hendak' digunakan bagi menunjukkan perbuatan yang belum berlaku. (Zainal Abidin Ahmad, 1958).

Frasa Kerja Bahasa Melayu dari Aspek Masa Menurut Ahli Nahu Melayu Moden

Menurut Asmah Haji Omar dalam Nahu Melayu Mutakhir, kata kerja boleh dibahagikan kepada kata kerja leksikal dan kata kerja bantu. Kata kerja leksikal atau kata kerja utama merupakan kata kerja yang menunjukkan maksud seperti dalam kamus dan maknanya dirujuk di luar hukum nahu serta terbahagi kepada kata kerja perbuatan dan kata kerja keadaan. Manakala kata kerja bantu berperanan membantu kata kerja leksikal dengan memberikan maksud aspek dan modalitas serta terbahagi kepada kata kerja aspek dan kata kerja modalitas (Asmah Omar, 2015). Manakala menurut Tatabahasa Dewan, kata kerja dibahagikan kepada dua penggolongan utama iaitu kata kerja aktif dan kata kerja pasif. Kata kerja aktif ialah kata kerja yang hadir dalam ayat aktif, iaitu ayat yang mengutamakan subjek asal sebagai judul atau yang diterangkan. Manakala kata kerja pasif ialah kata kerja hasil daripada perubahan ayat aktif menjadi pasif (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2008).

Kata kerja aspek mempunyai perkaitan rapat dengan konsep waktu tetapi tidak termasuk dalam sistem kala. Kata kerja ini pengertiannya terbahagi kepada tiga iaitu menunjukkan perbuatan yang sudah berlaku seperti (telah) dan (sudah), perbuatan atau keadaan yang sedang berlaku seperti (sedang) dan (masih), perbuatan yang belum berlaku seperti (akan) dan (belum) (Asmah Omar, 2015). Nik Safiah Karim juga membahagikan kata bantu aspek kepada kategori yang sama dan terdapat penambahan kata kerja (baru) pada perbuatan yang sudah berlaku (Nik Safiah Karim

et al., 2008). Bagi kata kerja (dulu), kata kerja ini dikategorikan sebagai adverba waktu, iaitu kata yang menjawab pertanyaan bila sesuatu perbuatan atau peristiwa itu berlaku. Manakala (ketika) merupakan kata penghubung waktu yang berfungsi pada klausa subordinat dalam ayat induk (Asmah Omar, 2015). Perkataan (nant) pula merupakan kata adverba jati yang berperanan sebagai penerang kepada kata kerja dan frasa kerja atau kata adjektif dan frasa adjektif atau frasa sendi nama, yang tidak termasuk dalam golongan kata yang lain. Manakala perkataan (selalu) merupakan adverba yang berasal daripada kata adjektif, berfungsi untuk menerangkan kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama (Nik Safiah Karim et al., 2008).

Penggunaan Frasa Kerja dari Aspek Masa dalam Novel 'Ustaz'

Penggunaan Frasa Kerja dari Aspek Masa Lampau dan Terjemahannya dalam Novel 'Ustaz'

Jadual 1. Pola 1 untuk Penggunaan Frasa Kerja (كان قد فعل) dari Aspek Masa Lampau berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	صاح سيوطي أكبر من النافذة...جرى مسرعا إلى الخارج نحو الأستاذ. وفي تلك اللحظة كان الأستاذ سيف الدين قد وصل إلى ساحة البيت. Kriteria: Kata kerja sempurna (وصل) dan (جرى) menunjukkan masa lampau. Kata kerja tidak sempurna (كان) dan partikel (قد) digandingkan dengan kata kerja sempurna untuk menandakan maksud aspek masa. Kata kerja tidak sempurna (كان) perlu mendahului kata kerja sempurna (وصل). Penggunaan pola ini memerlukan kepada dua klausa (صاح سيوطي أكبر من النافذة...جرى مسرعا إلى الخارج نحو الأستاذ) dan (وفي تلك اللحظة كان الأستاذ سيف الدين قد وصل إلى ساحة البيت).	169	Laung Sayuti Akbar dari tingkap dan seperti tidak sabar terus saja berlari keluar. Ketika itu Ustaz Saifuddin sudah berada di tengah-tengah halaman. Kriteria: Kata kerja leksikal (berlari) dan (berada) tidak membawa maksud dari aspek masa. Kata penghubung waktu (ketika) dan kata bantu aspek (sudah) menandakan aspek masa. Klausa (laung Sayuti Akbar dari tingkap dan seperti tidak sabar terus saja berlari keluar) perlu dihubungkan dengan klausa (ketika itu Ustaz Saifuddin sudah berada di tengah-tengah halaman). Maksud ayat tidak berubah walaupun susunan klausa berubah (Ustaz Saifuddin sudah berada di tengah-tengah halaman ketika laung Sayuti Akbar dari tingkap dan seperti tidak	114	Keberadaan Ustaz Saifuddin di tengah-tengah halaman mendahului larian Sayuti Akbar.

	Maksud tidak berubah meskipun berubah susunan klausa. Kata kerja tidak sempurna (كان) dan kata kerja sempurna (وصل) perlu selari dari aspek jantina. Taburan: Kata kerja tidak sempurna (كان) tidak diikuti oleh <i>fi'il mudhari'</i> kerana maksud akan berubah daripada ayat hakikat kepada ayat yang membawa maksud pengurangan.		sabar terus saja berlari keluar). Kata penghubung waktu (ketika) tidak mengehendkan masa kepada masa lampau atau masa depan. Taburan: Tiada.		
--	--	--	--	--	--

Jadual 2. Pola 2.1 untuk Penggunaan Frasa (كان يفعل) dari Aspek Masa Lampau berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	فقد سبق له أن سمع حكاية حب ابنته... حينما كانت تدرس في الخارج. Kriteria: - Gandingan kata kerja tidak sempurna (كانت) dan kata kerja sempurna (تدرس) menunjukkan masa lampau yang telah lama berlalu. - Kata kerja tidak sempurna (كانت) dalam bentuk <i>madhi</i> dan kata kerja sempurna (تدرس) dalam bentuk <i>mudhari'</i>. - Kata kerja tidak sempurna (كانت) perlu mendahului kata kerja sempurna (تدرس). - Kata kerja tidak sempurna (كانت) dan kata kerja sempurna (تدرس) perlu selari dari aspek jantina. Taburan: Tiada.	307	Dia pernah mendengar kisah cinta anaknya... waktu belajar di luar negeri dulu. Kriteria: - Kata kerja leksikal (belajar) tidak membawa maksud dari aspek masa. - Adverba waktu (dulu) mengehendkan aspek masa. Taburan: Tiada.	210	Pembelajaran Siti Nuriza berlaku pada masa lampau jauh dari masa sekarang.

Jadual 3. Pola 2.2 untuk Penggunaan Frasa (كان يفعل)
dari Aspek Masa Lampau berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	شعر بالفرح على احتجاج سبتي نور عزة، فهذا ما كان ينتظره منها. Kriteria: 1. Kata kerja tidak sempurna (كان) dan kata kerja sempurna (ينتظر) mengehadkan aspek masa. 2. Kata kerja tidak sempurna (كان) dalam bentuk <i>madhi</i> menunjukkan masa lampau dan kata kerja sempurna (ينتظر) dalam bentuk <i>mudhari</i> menunjukkan keberterusan pada masa lampau. 3. Kata kerja tidak sempurna (كان) perlu mendahului kata kerja sempurna (ينتظر). 4. Kata kerja tidak sempurna (كان) dan kata kerja sempurna (ينتظر) perlu selari dari aspek jantina. Taburan: Tiada. Taburan dalam terjemahan Arab-Melayu: Dibenarkan untuk menterjemahkan frasa (كان يفعل) kepada (dulu...selalu) apabila kata kerja mempunyai pengakhiran dan boleh berlaku berulang kali.	15-16	Dia merasa bahagia mendengar hujah Siti Nuriza. Itulah yang ditunggu-tunggunya. Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (ditunggu-tunggu) tidak membawa unsur masa. 2. Kata kerja leksikal (ditunggu-tunggu) dalam bentuk pengandaan menunjukkan aspek keberterusan (Asmah Omar, 2015). Taburan: Dihadkan penggunaan frasa ini pada kata kerja yang tidak menunjukkan kebiasaan seperti (bekerja).	11	Ustaz Saifuddin selalu menunggu untuk mendengar hujah Siti Nuriza pada masa lampau jauh dari masa sekarang.

Jadual 4. Pola 3 untuk Penggunaan Frasa (قد فعل)
dari Aspek Masa Lampau berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	اجلس لحظة يا أستاذ... فخليل قد وصل جليدا. Kriteria: 1. Kata kerja sempurna (وصل) menunjukkan masa lampau. 2. Kata sendi (قد) dan kata kerja sempurna (وصل) meneghadkan maksud aspek masa. 3. Kata sendi (قد) perlu mendahului kata kerja sempurna (وصل). Taburan: Dihadkan penggunaan kata kerja yang mempunyai pengakhiran bagi menggantikan tempat (وصل).	221	Duduklah sekejap, ustaz,... Jamil 'tu baru tiba . Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (tiba) tidak membawa maksud dari aspek masa. 2. Kata bantu aspek (baru) meneghadkan aspek masa. 3. Tidak dibolehkan untuk meletakkan kata bantu aspek (baru) di hadapan atau hujung ayat. Taburan: Tiada.	151	Ketibaan Jamil berlaku pada masa lampau dekat dengan masa sekarang.

Penggunaan Frasa Kerja dari Aspek Masa Sekarang dan Terjemahannya dalam Novel 'Ustaz'

Jadual 5. Pola 4.1 untuk Penggunaan Frasa (يفعل)
dari Aspek Masa Sekarang berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	هذا الشعور كثيرا ما ينمو ويتنشر. Kriteria: 1. Kata kerja sempurna (ينمو) menunjukkan masa sekarang atau masa depan. 2. Ayat ini bebas daripada sebarang unsur yang menghususkan aspek masa kepada masa depan. 3. Pengawalan kata nama (هذا) sebelum kata kerja (ينمو)	3	Perasaannya itu selalu terapung-apung mengembang. Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (terapung-apung) tidak membawa unsur masa. 2. Adverba (selalu) meneghadkan aspek masa. 3. Kata kerja leksikal (terapung-apung) dalam bentuk pengandaan	2	Perasaan Ustaz Saifuddin selalu terapung mengembang.

	mengkhhususkan aspek masa kepada masa sekarang. Taburan: Tiada. Taburan dalam terjemahan Arab-Melayu: Dibenarkan untuk menterjemahkan frasa (يفعل) kepada (selalu) apabila kata kerja mempunyai pengakhiran dan boleh berlaku berulang kali.		menunjukkan aspek keberterusan. Taburan: Dihadkan penggunaan frasa ini pada kata kerja yang tidak menunjukkan kebiasaan seperti (bekerja).		
--	---	--	--	--	--

Jadual 6. Pola 4.2 untuk Penggunaan Frasa (يفعل) dari Aspek Masa Sekarang berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	ليس هناك كان حي ير بالشارع الذي هو يمر به الآن. Kriteria: 1. Kata kerja sempurna (ير) menunjukkan masa sekarang atau depan. 2. Ayat ini bebas daripada sebarang unsur yang mengkhhususkan aspek masa kepada masa depan. 3. Penggunaan adverba waktu (الآن) mengkhhususkan aspek masa kepada masa sekarang. 4. Pengawalan kata nama (هناك) sebelum kata kerja (ير) juga mengkhhususkan aspek masa kepada masa sekarang. Taburan: Dikhususkan penggunaan frasa ini untuk kata kerja yang mempunyai bahagian-bahagian yang menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan dan padanya pengakhiran.	42	Tidak pernah ada makhluk yang hidup melalui jalan raya yang sedang dilaluinya sekarang. Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (dilalui) tidak membawa maksud dari aspek masa. 2. Kata bantu aspek (sedang) mengehadkan aspek masa kepada masa sekarang. 3. Memadai untuk menggunakan kata bantu aspek (sedang) untuk menunjukkan masa sekarang tanpa adverba waktu (sekarang). 4. Kata bantu aspek (sedang) perlu mendahului kata kerja leksikal (dilalui). Taburan: Dihadkan penggunaan frasa ini pada kata kerja yang menunjukkan kepada perbuatan. Tidak dibenarkan digunakan pada kata kerja yang menunjukkan keadaan seperti (mati).	30	pada masa sekarang, Ustaz Saifuddin sedang melalui jalan raya yang tidak pernah ada makhluk yang hidup melaluinya.

Penggunaan Frasa Kerja dari Aspek Masa Depan dan Terjemahannya dalam Novel 'Ustaz'

Jadual 7. Pola 5 untuk Penggunaan Frasa (سينعل) dari Aspek Masa Depan berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	أنا سأدرسه، إن شاء الله. Kriteria: 1. Kata kerja sempurna (أدرس) menunjukkan masa sekarang atau depan. 2. Penggunaan huruf sin mengkhususkan aspek masa kepada masa depan yang dekat dari masa sekarang. Taburan: Huruf sin boleh digandingkan dengan kata kerja tidak sempurna seperti (سيكون), tetapi tidak dibolehkan untuk kata kerja tidak anjal seperti (نعم), dan (يأس).	26	Saya akan mengajarnya, insya-Allah. Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (mengajar) tidak membawa maksud dari aspek masa. 2. Kata bantu aspek (akan) mengehendkan aspek masa kepada masa depan. 3. Kata bantu aspek (akan) perlu mendahului kata kerja leksikal (mengajar). Taburan: Tiada.	19	Penegasan untuk Ustaz Saifuddin akan mengajar anak-anak Datuk Jalal Akbar pada masa depan dekat dari masa sekarang.

Jadual 8. Pola 6 untuk Penggunaan Frasa (سوف يفعل) dari Aspek Masa Depan berdasarkan Teks

No.	Teks asal Bahasa Arab	Muka surat	Teks terjemahan Bahasa Melayu	Muka surat	Maksud dari Aspek Masa
1.	إنه لديه كثير من الأعمال ... سوف يتخلف عنها. Kriteria: 1. Kata kerja sempurna (يتخلف) menunjukkan masa sekarang atau masa depan. 2. Penggunaan (سوف) mengkhususkan aspek masa kepada masa depan yang jauh dari masa sekarang. Taburan: Tiada.	213	Kerjanya banyak...Nanti tergendala pula. Kriteria: 1. Kata kerja leksikal (tergendala) tidak membawa maksud dari aspek masa. 2. Adverba (nanti) mengehendkan aspek masa kepada masa depan. 3. Adverba (nanti) dibolehkan untuk diletakkan pada awal atau hujung ayat. Taburan: Tiada.	146	Kerja Ustaz Saifuddin banyak dan bakal tergendala pada masa depan jauh dari masa sekarang.

Rumusan

Persamaan dan Perbezaan Frasa Kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari Aspek Masa menurut Ahli Nahu

Berdasarkan aspek pembahagian kata kerja, ahli nahu Melayu bersependapat dengan teori yang dibawakan oleh ahli nahu Arab iaitu pembahagian kata kerja kepada masa lampau, masa sekarang, dan masa depan.

Manakala dari segi maksud yang dibawakan frasa kata kerja, ahli Nahu Arab bersepakat bahawa partikel (كان) membawa maksud masa lampau tetapi berbeza pendapat dari segi keberterusan perbuatan tersebut. Menurut majoriti ahli nahu Arab, frasa (قد فعل) membawa maksud perbuatan yang dilakukan pada masa lampau dan dekat dari masa sekarang. Penggunaan *sin* dan (سوف) juga menunjukkan masa depan, hanya berbeza dari segi kedekatan dari masa sekarang. Ahli nahu Melayu pula bersependapat dalam melihat maksud kata bantu aspek seperti (sedang) dan (akan) dengan melihatnya dari aspek masa sekarang dan masa depan.

Persamaan dan Perbezaan Penggunaan Frasa Kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari Aspek Masa berdasarkan Penggunaannya dalam Novel 'Ustaz'

Antara persamaan yang terdapat antara frasa kerja Bahasa Arab dan Bahasa Melayu dari aspek masa berdasarkan teks Novel 'Ustaz' ialah kedua-duanya mempunyai pembahagian unsur masa kepada masa lampau, masa sekarang, dan masa depan dalam frasa kerja serta memerlukan partikel lain untuk mengehadkan aspek masa. Sekiranya perubahan susunan klausa berlaku kepada ayat dalam kedua-dua bahasa ini, maksud ayat tidak berubah. Seterusnya, kedua-dua bahasa ini juga menitikberatkan susunan perkataan kerana maksud akan berubah sekiranya susunan perkataan berubah.

Manakala perbezaan yang terdapat antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu ialah ialah kata kerja sempurna (الأفعال التامة) dalam Bahasa Arab membawa unsur masa, tetapi kata kerja leksikal dalam Bahasa Melayu tidak membawa unsur masa dan memerlukan partikel lain untuk menetapkan unsur masanya. Bahasa Arab menggunakan pengawalan kata nama dalam ayat, adverba waktu, dan kata sendi sebagai cara untuk menetapkan unsur masa bagi frasa kerja, manakala Bahasa Melayu menggunakan kata bantu aspek, adverba, dan kata penghubung waktu untuk menetapkan aspek masa. Dari segi susunan perkataan, Bahasa Arab menitikberatkan susunan kata kerja tidak sempurna perlu mendahului kata kerja sempurna untuk menetapkan aspek masa pada frasa kerja, manakala Bahasa Melayu melihat kepada susunan kata bantu aspek yang perlu mendahului kata kerja leksikal. Dari segi keselarian perkataan pula, kata kerja tidak sempurna dalam Bahasa Arab perlu selari dari segi jantinya dengan kata kerja sempurna, tetapi hal ini tidak terdapat dalam Bahasa Melayu.

Rujukan

1. Abdelaal, N. M., Rashid, S. M. 2016. Grammar-Related Semantic Losses in the Translation of the Quran, with Special Reference to Surah Al A'araf (The Heights). *SAGE Open* (Sage Publication, 6 (3), 11 pages.
2. Abdullah, A. H., Sulaiman, A. A., & Abdullah, W. I. W. 2015. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10(1), 82-97.
3. Abdullah, M. I. 2019. Isti'malat Tarakib (kana) fi ar-Riwayat al-Arabiyyah al-Mutarjamah min al-Injiliziyyah: Dirasah fi az-Zaman wa al-Jihhah. *Majallah al-Islam fi Asia*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 6 (2), ms 58.
4. Ahmad, Z. A. 1958. *Pelita Bahasa Melayu*. Cet. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Al-'Ukbari, A. B. A. H. 1995. *Al-Lubab fi 'Ilal al-Bina' wa al-F'rab*. Penyemak: Tolimat, G. M. Cet. 1. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
6. As-Samurrai, I. 1966. *Al-Fi'il zamanuhu wa abniyatuhu*. Baghdad: Matba'ah Al-Äti.
7. Garcia, N. R. 2002. Contrastive Linguistics and Translation Studies Interconnected: The Corpus-based Approach. *Linguistica Antverpiensia New Series – Themes in Translation Studies (LANS-TTS)*, N.1, Antwerp University.
8. Haji, R. A. 2005. *Bustan al-Katibin: Transliterasi daripada Versi Leiden Kl 107*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
9. Hamid, A. A. 2018. *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Ed. Ke-2. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd.
10. Hassan, T. 1994. *Al-Lughah al-Arabiah Ma'naha wa Mabnaha*. Maghrib: Dar ats-Tsaqafah.
11. Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H, Mahmood, A. H. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Kelantan, S. O. 1991. *Ustaz*. Bandar Baru Bangi: Citra Publication.
13. Makhzumi, M. 1986. *Fi an-Nahwu al-Arabi Naqdun wa Taujihun*. Cet. 2. Beirut: Dar ar-Ra'id al-Arabi.
14. Mohamad, F., Baharun, M. N. A., Salleh, A. 2012. Kesilapan Terjemahan Bahasa Melayu – Bahasa Arab Dalam Ejen Carian Google: Satu Kajian Semantik. *The Science and Art of Language in Teaching (SALT) Conference*. Universiti Teknologi MARA Perlis, 11 pages.
15. Mukmin, A. I., Ali, A. H. 1998. *Syarah Jumal az-Zajaji*. Cet.1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
16. Omar, A. 2015. *Nahu Melayu Mutakhir*. Ed. ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. Omar, S., Othman, S. 2010. *Al-Ustaz*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
18. Sibawayh, A. U. Q. 1988. *Al-Kitab*. Cet. 3. Penyemak: Harun, A. S. M. Kaherah: Maktabah al-Khaniji.
19. Yaakub, M. B., Sismat, M. A., Yunos, I. N. M. 2020. Analisis Semantik dan Pragmatik Terhadap Terjemahan Mesin Google Arab-Melayu. *Majallah Lisaniyyat al-Lughah al-^cArabiyyah wa Adabiha*. Fakulti Bahasa Arab UNISSA, Brunei Darussalam. 4, ms 93.